

# PEKELILING NAIB CANSOLOR

## Bilangan 32 Tahun 2020

### PEKELILING PENGURUSAN PENGGUNAAN PELEKAT KENDERAAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

#### 1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan pengurusan penggunaan pelekat kenderaan bagi staf/pelajar/pihak berkaitan yang dibenarkan memasuki dan meletakkan kenderaan di kawasan Universiti Teknologi MARA (UiTM).

#### 2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pelekat kenderaan merupakan salah satu kaedah kawalan bagi memastikan orang yang tidak berkenaan masuk ke dalam kawasan universiti. Ianya juga merupakan kebenaran yang diberikan oleh Naib Canselor kepada staf, pelajar serta orang yang dibenarkan bagi membolehkan kenderaan tersebut digunakan di dalam kawasan universiti.
- 2.2 Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) Bilangan 02/2020 pada 15 Januari 2020 telah bersetuju meluluskan Penambahbaikan Penetapan Kadar Harga Baharu Pelekat Kenderaan serta Pas Keselamatan UiTM.
- 2.3 Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan (JKP) ke-221 bertarikh 06 Julai 2020 telah meluluskan Penetapan Kadar Harga Baharu Pelekat Kenderaan serta Pas Keselamatan UiTM.
- 2.4 Bagi maksud pekelling ini:
  - 2.4.1 **Pelekat** bermaksud pelekat kenderaan untuk kegunaan Ahli Lembaga Pengarah Universiti /staf /pelajar /agensi luar /kontraktor /pesara UiTM bagi urusan keluar/masuk dan meletakkan kenderaan di lot parkir yang disediakan di dalam kawasan UiTM.
  - 2.4.2 **Staf** bermaksud mana-mana individu yang diambil bekerja oleh UiTM di bawah Perlembagaan atau mana-mana statut tidak termasuk staf di Kolej Bersekutu.
  - 2.4.3 **Pelajar** bermaksud seseorang pelajar yang berdaftar dengan UiTM untuk mengikuti kursus pengajian peringkat pra, diploma, ijazah, pascasiswazah atau pascakedoktoran secara sepenuh masa atau sambilan tidak termasuk pelajar di Kolej Bersekutu.
  - 2.4.4 **Agensi luar** bermaksud Jabatan/Agensi Kerajaan/Pertubuhan, Syarikat yang berkaitan kerajaan dan NGO berdaftar.
  - 2.4.5 **Kontraktor** bermaksud pembekal/penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh pihak pengurusan universiti melalui proses yang sah.

2.4.6 **Pesara** bermaksud kakitangan UiTM yang telah menamatkan perkhidmatan disebabkan persaraan yang teratur dan sah.

### 3.0 PELAKSANAAN

Pelaksanaan penggunaan pelekat kenderaan di UiTM adalah seperti berikut :

#### 3.1 Kategori Pelekat

Bil	Kategori	Warna	Harga/Unit	Keterangan
i.	Staf	Merah	RM5.00	a. Dihadkan kepada 2 pelekat kereta dan 1 pelekat motorsikal. b. Kadar bayaran adalah RM5.00 bagi setiap pelekat.
ii.	Pelajar	Ungu	RM5.00	a. Dihadkan kepada 1 pelekat sahaja. b. Kereta atau motorsikal.
iii.	Agensi luar	Biru muda	RM10.00	a. Dihadkan kepada 1 pelekat sahaja. b. Kereta atau motorsikal.
iv.	Kontraktor	Biru tua	RM10.00	a. Dihadkan kepada 1 pelekat sahaja. b. Kereta atau motorsikal.
v.	Pesara	Coklat	RM5.00	a. Dihadkan kepada 2 pelekat sahaja. b. Kadar bayaran adalah RM5.00 bagi setiap pelekat.
vi.	Kenderaan Universiti	Hijau	Percuma	a. Dihadkan kepada 1 pelekat bagi setiap kenderaan.

#### 3.2 Prosedur Permohonan Pelekat Kenderaan

##### 3.2.1 Permohonan

Permohonan pelekat kenderaan hendaklah dimohon secara dalam talian di *i-Staff* portal: <https://eproses.uitm.edu.my/mye/eKeselamatanStaf> dan *student portal*.

Bagi pelekat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dan kenderaan universiti ia akan diuruskan oleh Pejabat Polis Bantuan UiTM.

### **3.2.2 Penggantian**

Sekiranya berlaku pertukaran atau kehilangan kenderaan dan juga kerosakan pelekat kenderaan hendaklah dilaporkan secara dalam talian kepada Pejabat Polis Bantuan di UiTM Shah Alam/ Cawangan masing-masing.

Setelah aduan telah disahkan oleh pegawai yang bertanggungjawab, permohonan baharu boleh terus dibuat melalui sistem pelekat kenderaan melalui *i-Staff portal/ student portal*.

### **3.2.3 Pembetulan/Pengemaskinian**

Pembetulan butiran kenderaan hanya boleh dilakukan secara dalam talian oleh pemohon.

## **3.3 Penggunaan**

3.3.1 Semua kenderaan staf, pelajar dan agensi luar/ kontraktor yang dilantik, yang memasuki mana-mana kawasan universiti adalah perlu mempamerkan pelekat kenderaan pada:

- i) kereta/van/MPV: di bahagian cermin hadapan kenderaan
- ii) motorsikal: mana-mana bahagian hadapan yang boleh dilihat

3.3.2 Pelekat kenderaan yang dikeluarkan oleh Pejabat Polis Bantuan UiTM sahaja akan dibekalkan apabila permohonan telah dibuat.

3.3.3 Hanya pelekat kenderaan yang dikeluarkan dalam bentuk dan corak serta warna yang ditetapkan dan diluluskan oleh universiti sahaja boleh digunakan.

3.3.4 Mana-mana kenderaan warga UiTM yang gagal mempamerkan pelekat kenderaan akan diambil tindakan mengikut Pekeliling Pendaftar Bilangan 55/2009 dan mana-mana peraturan yang masih berkuat kuasa.

3.3.5 Setiap pelekat hanya boleh digunakan untuk sebuah kenderaan sahaja. Mana-mana warga UiTM yang menyalahgunakan pelekat kenderaan untuk kegunaan pihak ketiga/ pihak luar atau melanggar mana-mana peraturan berkaitan penggunaan pelekat kenderaan boleh dikenakan tindakan pada mana-mana peraturan yang sedang berkuat kuasa.

3.3.6 Sebarang kehilangan pelekat kenderaan hendaklah dilaporkan segera di mana-mana Pejabat Polis Bantuan UiTM atau secara dalam talian.

## **4.0 GARIS PANDUAN**

Garis Panduan Pengurusan Pelekat Kenderaan UiTM adalah seperti di Lampiran 1.

## **5.0 TARIKH DIKELUARKAN**

Pekeliling ini dikeluarkan pada 23 Disember 2020.

## 6.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 01 Januari 2021.

## 7.0 PEMAKAIAN

- 7.1 Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua warga UiTM (staf/ pelajar) ,kontraktor, agensi luar dan pesara UiTM. Pekeliling ini hanya untuk **edaran dalaman sahaja**.
- 7.2 Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling Pendaftar Bilangan 55/2009: Penyalahgunaan Pelekat Kenderaan Universiti.
- 7.3 Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini, Pekeliling Pejabat Pendaftar Bilangan 43/2008 dan bilangan 01/2013 adalah terbatal.



**PROFESOR EMERITUS DATUK IR. DR. MOHD AZRAAI KASSIM**  
Naib Canselor

*Salinan kepada:*

*Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit  
Semua Rektor UiTM Cawangan  
Semua Dekan Fakulti  
Yang DiPertua Jawatankuasa Perwakilan Pelajar  
Yang DiPertua Jawatankuasa Perwakilan Kolej*

Bil. Fail: 100-CAN(IPPB. 27/3)  
No. Siri: 100-UiTM (NC 6/2) 32